



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 8, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6077
Faks : +603-8884 6000

“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : KP (JNJK) 600-60/B/1/4 (4)
Tarikh : Jun 2010

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN GURU CEMERLANG PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DGA32, DGA38, DG44, DG48 DAN GRED KHAS C SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) TAHUN 2010 DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Perbincangan antara Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada 2 Jun 2010 telah memutuskan baki kuota Guru Cemerlang yang berjumlah 2286 perlu dinilai oleh JNJK. Bagi memastikan kuota Guru Cemerlang dipenuhi, terutamanya bagi Gred DG44 di sekolah rendah, Pengarah Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi (KM) diminta bekerjasama dengan JNJK untuk mengemukakan borang permohonan guru dan pensyarah yang layak untuk dicalonkan sebagai Guru/ Pensyarah Cemerlang selewat-lewatnya pada **29 Julai 2010**.

3. Berikut adalah kekosongan kuota Guru Cemerlang:

Jadual 1 : Kekosongan Kuota Guru Cemerlang

Bil	Gred	Kekosongan Kuota
1.	DGA32	90
2.	DGA38	153
3.	DG44 (SR)	1531
4.	DG44 (SM)	476
5.	DG48 (SR)	25
6.	Khas C	11
JUMLAH		2286

4. Calon-calun mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus.

4.1 **Syarat-Syarat Umum**

- 4.1.1 Telah disahkan dalam perkhidmatan (bagi pemohon Guru Cemerlang ke Gred DGA32 dan DG44 sahaja);
- 4.1.2 Telah menerima surat kenaikan pangkat ke gred semasa daripada Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) bagi permohonan ke Gred DGA38, DG48 dan Gred Khas C;
- 4.1.3 Markah Laporan Nilaiann Prestasi Tahunan (LNPT) **sekurang-kurangnya 85%** untuk **setiap tahun** bagi tahun 2007, 2008 dan 2009;
- 4.1.4 Lulus PTK yang ditetapkan mengikut gred-gred yang berkaitan.

Nota: Urusan pemangkuan GC akan diberi keutamaan kepada calon lulus PTK. Walau bagaimanapun, JPA melalui surat bil. JPA(S) NP.134/8/3 Klt.14 (30) bertarikh 9 Ogos 2007 telah memberi kelonggaran kepada calon-calun yang belum memenuhi syarat lulus PTK boleh memohon urusan pemangkuan GC. Jika calon-calun yang tidak lulus PTK itu ditawarkan pemangkuan GC kelak, mereka perlu lulus PTK dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh pemangkuan. Jika tidak, pemangkuan mereka akan ditarik balik.

- 4.1.5 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

4.2 **Syarat-syarat Khusus**

- 4.2.1 Syarat-syarat khusus permohonan urusan pemangkuan bagi Guru Cemerlang adalah seperti di **Lampiran A1 (PPPS SR), Lampiran A2 (PPPS SM/ IPGM/ KM/ IAB) dan Lampiran A3 (PPPLD)**.

5. **Borang Permohonan**

- 5.1 Semua guru dan pensyarah yang memenuhi syarat-syarat umum dan khusus layak mengemukakan borang permohonan untuk dipertimbangkan bagi urusan pemangkuan ini.
- 5.2 Ketua Jabatan atau pihak-pihak yang berkaitan juga boleh mencalonkan guru dan pensyarah yang memenuhi syarat umum dan khusus bagi urusan pemangkuan ini. Maklumat lanjut mengenai Ketua Jabatan dan pihak yang boleh membuat pencalonan adalah seperti di **Jadual 2**:

Jadual 2: Senarai Calon dan Pencalon

Bil	Calon	Pencalon
1.	Guru Sekolah	Guru Besar/ Pengetua/ Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)/ Ketua Nazir Negeri/ Pengarah JPN/ Pengarah Bahagian/ Ketua Nazir
2.	Pensyarah KM	Pengarah KM/ Pengarah Bahagian Matrikulasi/ Ketua Nazir
3.	Pensyarah IPGM	Pengarah IPG/ Rektor IPGM/ Ketua Nazir
4.	Pensyarah IAB	Pengarah IAB/ Ketua Nazir

- 5.3 Calon dikehendaki mengisi **Borang Permohonan Guru Cemerlang JNJK/PKIP/36/10** seperti di **Lampiran B**. Calon dikehendaki mengemukakan **dua salinan** Borang Permohonan Guru Cemerlang dan dokumen sokongan.
- 5.4 Calon perlu mengemukakan salinan dokumen sokongan berikut yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan:
- 5.4.1 Kad Pengenalan;
 - 5.4.2 Surat kenaikan pangkat ke gred semasa yang dikeluarkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan;
 - 5.4.3 Kelulusan akademik;
 - 5.4.4 Kelulusan ikhtisas;
 - 5.4.5 Slip keputusan PTK terkini;
 - 5.4.6 Kenyataan oleh Ketua Jabatan (seperti di **Lampiran C**);
 - 5.4.7 Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/ Tabung Pendidikan (seperti di **Lampiran D**); dan
 - 5.4.8 Borang Tapisan Keutuhan SPRM (seperti di **Lampiran T1**).
6. Bagi pemohon yang berkhidmat di sekolah, borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah JPN melalui Guru Besar atau Pengetua sekolah masing-masing. Pemohon dari IAB, IPG dan KM pula dikehendaki melengkapkan borang permohonan dan dikemukakan kepada Ketua Nazir, JNJK Putrajaya melalui Ketua Jabatan masing-masing.
7. Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Bahagian Sukan, Bahagian Seni dan Kokurikulum, Bahagian Pendidikan Islam dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster boleh mengemukakan borang permohonan guru yang layak dan berkhidmat di bawah kelolaan bahagian masing-masing kepada Ketua Nazir, JNJK Putrajaya.

8. Pengarah Pelajaran Negeri dikehendaki mengemukakan senarai nama calon yang layak dan **satu salinan** borang permohonan bagi setiap calon yang layak kepada Ketua Nazir Negeri masing-masing **selewat-lewatnya pada hari Khamis, 29 Julai 2010 (Lampiran E)**. Satu salinan Borang Permohonan dan dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh JPN bagi tujuan melengkapkan maklumat perkhidmatan.

9. Pengarah Bahagian, IAB, IPG dan KM hendaklah mengemukakan **kedua-dua salinan** borang permohonan dan dokumen sokongan kepada Ketua Nazir, JNJK Putrajaya **selewat-lewatnya pada hari Khamis, 29 Julai 2010 (Lampiran E)**.

10. Peranan Pengarah Bahagian/ IAB/ JPN/ IPG/ KM

10.1 Kerjasama Pengarah Bahagian/ IAB/ JPN/ IPG/ KM adalah dipohon untuk memastikan:

- 10.1.1 surat siaran berkaitan urusan pemangkuan ini dihebah dan dimaklumkan kepada semua pegawai di bawah seliaan masing-masing;
- 10.1.2 maklumat yang diberikan oleh calon adalah tepat dan sahih;
- 10.1.3 calon-calon yang dikemukakan kepada JNJK mencapai markah LNPT **sekurang-kurangnya 85%** untuk **setiap tahun** bagi tahun 2007, 2008 dan 2009;
- 10.1.4 Ketua Jabatan melengkapkan dan membuat ulasan mengenai keistimewaan calon di ruang perakuan Ketua Jabatan dalam borang permohonan;
- 10.1.5 hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus seperti di para 4.1 dan 4.2 di atas dikemukakan kepada JNJK;
- 10.1.6 setiap calon mengemukakan dokumen sokongan seperti di para 5.4 bersama borang permohonan masing-masing;
- 10.1.7 hanya permohonan calon Guru Cemerlang yang layak sahaja dihantar kepada Ketua Nazir Negeri masing-masing **(Lampiran E)**;
- 10.1.8 permohonan calon Guru Cemerlang Wilayah Persekutuan Putrajaya, Bahagian, IPG, IAB dan KM dihantar kepada Ketua Nazir, JNJK Putrajaya **(Lampiran E)**;
- 10.1.9 calon-calon dimaklumkan status permohonan melalui akuan penerimaan permohonan; dan
- 10.1.10 butiran maklumat perkhidmatan calon Guru Cemerlang **(Lampiran F)** dilengkap dan dikemukakan kepada JNJK Negeri/ Putrajaya.

11. Hanya calon yang memenuhi syarat umum dan khusus akan dinilai. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh sembilan (9) bulan selepas tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka adalah tidak berjaya.

12. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai dari Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan, Unit Guru Cemerlang, JNJK Putrajaya seperti berikut:

12.1	Puan Hj Normah binti Hj Ismail	-	03-8884 4117
12.2	Encik Zulkifli bin Nordin	-	03-8884 4490
12.3	Encik Abd Aziz bin Ahmad	-	03-8884 4249
12.4	Encik Nadimin bin Abdul Aziz	-	03-8884 4262

13. Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan dalam melancarkan urusan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM)

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia

Salinan Kepada:

1. Menteri Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia I
3. Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia II
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar & Pembangunan Pendidikan
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
9. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan
10. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
11. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
12. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
14. Semua Ketua Nazir Negeri
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster
3. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
7. Pengarah
Bahagian Sukan
8. Pengarah
Bahagian Seni dan Kokurikulum
9. Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri
10. Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru
11. Semua Pengarah Kolej Matrikulasi